

"Saya sekarang berpeluang main-main dengan cucu....," kata Tun Hussein

Sebuah berita yang berpuca dari Johor Baru berkata, Tun Hussein Onn dengan rasminya meletakkan jawatan Ketua UMNO Bahagian Johor Baru dalam suasana penuh terharu sambil mengharapkan UMNO bahagian itu terus padu dan kuat di bawah pimpinan pengantainya.

Sambil tersedus-edu oleh terharu di majlis meraiikannya di balairaya Kampung Melayu Johor Baru, berempenn Hari Raya Tun Hussein berkata, "Saya menyerahkan jawatan Ketua UMNO bahagian ini penuh khias dengan harapan di seluruh berjalan lacin dan selamat."

Tun Hussein sempat juga bergurau dengan ahli-ahli UMNO dengan menjelaskan perlanyaan rakan-rakannya apakah yang dibuannya selepas bersara sebagai Perdana Menteri. Kata Tun Hussein, "Saya bolehlah sekarang tepuk amalam dengan Datin, dulu tidak sempat ke-

ranu jumpitan sana jumpitan sini. Sekarang dapitlah pelang main-main dengan cucu dan bersama anak-anak yang selaga ini saya ting-Rilika."

Tun Hussein berkata, "Mulai hari ini (22 Ogos 1981) berpulang saya dalam kegiatan arena politik" (dipetik dari Utusan Melayu Ogos 17, 1981).

Komen Penulis:

Ahwal ramal lagi pemimpin-pemimpin politik di sana dan di sini (sama ada di peringkat atas atau perantaraan) yang tahu bila hendak memasuki arena politik dan bila hendak mengundurkan diri, maka akan beranganlah pendirian mental dan kefrustrasian di kalangan orang-orang politik yang lama mengu giliran untuk naik ke atas... (Lebih-lebih lagi jawatan-jawatan politik di Tingkat Tertinggi yakni "super" Superscale amatlah berketu rangan bilangnya — umpamanya, hanya satu jawatan Perdana Menteri di seluruh negara dan satu Menteri Besar atau Ketua Menteri di setiap negeri. Dan bilangan MP dan anggota Kabinet di peringkat Persekutuan, jumlah Wakil Rakyat dan Exco di negeri-negeri adalah jauh terhad).

"Kilalah ramal!"

penulis sebutkan tadi, kerana tokoh-tokoh politik yang bertimbang rasa seperti Tun Hussein Onn itu adalah "a rare commodity", yakni benda yang bukannya mudah diperolehi. Sebaliknya, kebanyakan tokoh-tokoh politik yang setelah merasa "nikmat" akan cuba berpaut kepada kerusi sampai mati, tanpa memikirkan masalah Datin dan cucu ataupun kepentingan parti.

Kadangkala, bila mereka sudah dianggap oleh para pengundi dari golongan yang tidak terkongkong oleh emosi sebagai tidak lagi berkelayakan memimpin — sama ada dari segi keihatan ataupun "rekod" perkhidmatan — mereka itu masih berdegal dan berusaha seberapa upaya untuk mengekalkan kedudukan atas alasan, kononnya, bahawa mereka itu adalah berjiwa politik sampai ke tulang hitam dan Negara akan berkeadaan kucar-kacir dari segi ekonomi, hura-hara dari segi perpaduan dan ketenteraman awam dan tunggang-langgang dari segi pentadbiran, tanpa pimpinan mereka!

☆☆☆

Tahniah kepada MCA.

Berencana meng-nal bekas Perdana Men-

teri Tun Hussein Onn lagi, penulis ternampak di muka Il Malay Mail Ogos 20, 1981 gambar dua orang bekas Perdana Menteri, iaitu Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn bersama-sama dengan Perdana Menteri di hari ini, iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir. Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam dan Pengerusi MCA, Datuk Lee San Choon. "Caption" kepada gambar ini berbunyi begini: "Perdana Menteri-Perdana Menteri dahulu dan sekarang dan Timbalan Perdana Menteri — kesemuanya ketawa."

☆☆☆

Komen Penulis:

Beberapa mesej terkandung dalam gambar dikisahkan tadi: Pertama betapa mesra sekali hubungan di antara pemimpin lama dan pemimpin baru di negara kita, dan betapa stabil sekali kedudukan politik di negara ini. Kerana di negara-negara yang tidak stabil politiknya, seseorang tokoh politik akan hanya berpeluang menjadi Perdana Menteri setelah membunuh dan melangkah mayat tokoh yang menduduki kerusi Perdana Menteri sebelumnya.

Kedua, betapa bertuahnya Negara kita kerana mempunyai pemimpin-pemimpin super atasan yang "gentleman" dan bertimbang rasa dan dengan itu

berkeda mengundurkan diri secara sukarela dengan tujuan memberi peluang pula kepada pemimpin yang lebih muda. Maksud: Jikalau Perdana Menteri kita yang pertama, yakni YTM Tunku Abdul Rahman Putra Aliah, berpaut kuat kepada kerusi bagi seumur hidup, maka "Malay Mail" tentu sekali tidak akan berpeluang menyilahkan gambar dikisahkan tadi, kerana Negara di hari ini tidak akan mempunyai P.M. baru dan bekas-bekas Perdana Menteri, tapi hanya Perdana Menteri lama, iaitu Tunku Abdul Rahman....

Ketiga, rakyat di negara ini amatlah ju beruath kerana kesemua pemimpin super atasan mereka mempunyai "sense of humour" dan dengan itu berkebolehan ketawa. Kerana seperti berulang kali penulis catitkan di halaman di, di sesebuah negara di mana pemimpinnya tidak pandal ketawa tapi hanya berkebolehan mengerutkan kening dan memuncungkan mulut, rakyat di negara berkenaan akan kebawannya akan menderita.

Catilan Khias:

Gambar disebutkan tadi adalah diambil dalam satu Majlis "Terima Kasih" besar-besaran ("grand thank you party"), yang dituanrumahkan oleh MCA untuk menghormati bekas Perdana Menteri Tun

Hussein Onn.

Penulis ucapkan tahniah kepada MCA kerana masih memperingat jasa dan sumbangat Tun Hussein Onn kepada rakyat dengan negara. Kerana, mengikut perangal semulajadi manusia di sana dan di sini, majlis besar-besaran seperti itu biasanya diadakan bukan untuk memenghormati seseorang pemimpin atasan yang telah mengosongkan kerusi, tapi untuk mengulakukan kedatangan pemimpin yang baru menduduki kerusi....

Hastrasi: Dalam tahun 60an dahulu, penulis diberitahu oleh seorang tokoh politik tentang kegagalannya untuk mengatarkan satu majlis makan malam sebagai menghormati seorang Menteri kanan Persekutuan yang dihormati ramal, yang baru sahaja mengundurkan diri dari Kabinet secara sukarela.

Kata tokoh politik berkenaan, beliau amat "disappointed" bila mendapati cuma dua orang MP yang bersedia menyertai Majlis yang diadakan sementara yang lainnya berkata bahawa parti yakni, majlis makan besar seperti itu sepatutnya diadakan hanya untuk Menteri yang baru dan bukan untuk bekas Menteri yang telah meninggalkan kerusi, yakni, yang tidak lagi berkuasa....

☆☆☆